




CENDERAMATA Prof Dr Murnizam menyampaikan cenderamata kepada Nurul Izzati Abd Razak sambil diperhatika Samsulbahri (dua kanan) dan Penolong Pendaftar PPIB, Haji Taufik (kanan).



ALBUM Prof Dr Murnizam (tiga kanan), Samsulbahri (empat kanan), Haji Taufik (dua kanan), Nurul Izzati (kanan) dan Harwint (lima kanan) bersama pelajar yang mengambil subjek Asas Pembudayaan Keusahawanan 2019.



RASMI: Haji Taufik (kanan) memerhatikan Prof Dr Murnizam merasmikan APK FKAL PPIB Jubilant Jamboree 2019.

APK dedah mahasiswa UMSKAL pengurusan perniagaan

UB 28 · 11 · 2019 15

LABUAN: Asa Pembudayaan Keusalawanan (APK) Universiti Malaysia Sabah, Kampis Antarabangsa Labuan (UMSKAL) diadakan untuk nendedahkan kepada mahasiswa tentang kaedah penurusan perniagaan yang berkesan dan sistematisik.

Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik berkata, pida masa sama pelbagai kemahiran diajar termasuklah kemahiran bermiaga dan kemahiran berkomunikasi dengan pembekal dan pelanggan.

“Pelaar didedahkan dengan pengurusan dan strategi pemasran. Inilah ruang dan peluang yang seharusnya direbut oleh pelajar ketika berada di UMSKAL selama

tiga hingga empat tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program APK Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Jubilant Jamboree 2019 di Dewan Utama UMSKAL, baru-baru ini.

Tambahnya, program APK juga diadakan untuk membudayakan semangat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa UMSKAL.

Turut hadir Penyelaras Program Shamsulbahri Mohd Nasir yang juga Pensyarah FKAL bersama Nurul Izzati Abd Razak serta Penolong Pendaftar PPIB Haji Taufik Abd Latif dan Pengarah Program Harvint Thevadass.

Seramai 368 pelajar mengambil matapelajaran APK.

Terdapat 70 gerai jualan termasuk 30 gerai pelajar APK menyertai program APK 2019 yang diadakan sempena Penganjuran Pesta Tamu Gadang 2019 pada 15 hingga 17 November lalu.

Pelbagai barang termasuk makanan dan minuman dijual pelajar sepanjang tiga hari program APK diadakan di hadapan Dewan Utama dan perkarian Perpus-takaan UMSKAL.

Gerai yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 10 malam itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung termasuk warga Wilayah Persekutuan Labuan selain pelajar dan kakitangan UMSKAL sendiri.